

**NO SOALAN :11**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG  
(KANOWIT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.10.2016**

**Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [ KANOWIT ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula polisi pembiayaan rumah bagi membantu golongan muda yang ingin memiliki rumah pertama mereka.

**JAWAPAN**

Tuan yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan amalan pemberian pinjaman secara bertanggungjawab yang bertujuan

memastikan paras keberhutangan sektor isi rumah adalah sentiasa pada tahap yang terkawal, Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memastikan bahawa pemohon yang berkemampuan serta berdaya maju terus mendapat akses kepada pembiayaan yang berpatutan daripada institusi perbankan.

Langkah-langkah yang diambil oleh BNM pada masa ini bagi memudahkan pinjaman perumahan bagi pembelian rumah pertama adalah seperti berikut:-

- i. Pelaksanaan secara berterusan polisi pinjaman kepada Sektor Keutamaan di mana sektor perumahan merupakan salah satu sektor utama institusi perbankan dikehendaki memberi pinjaman. Polisi yang dikaji semula setiap dua tahun ini bertujuan memastikan pemohon yang layak serta ingin membeli rumah berharga RM250,000 ke bawah dapat memperoleh pinjaman;
- ii. Institusi perbankan yang dikawal selia BNM menyediakan pinjaman perumahan kepada pembeli rumah pertama yang menyertai program pembiayaan Kerajaan seperti berikut:-
  - a. Skim Rumah Pertamaku yang telah dilancarkan pada 8 Mac 2011 bagi membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan tidak lebih daripada RM5,000 sebulan, atau pasangan

suami isteri yang berpendapatan tidak lebih daripada RM10,000 sebulan, untuk memiliki rumah pertama mereka.

- Pembiayaan diberi adalah sehingga 100% bagi pembelian rumah pertama yang bernilai RM220,000 ke bawah (bagi permohonan secara individu) atau RM500,000 ke bawah (bagi permohonan suami dan isteri).

b. Skim Perumahan Belia yang telah dilancarkan pada Oktober 2015 untuk membantu pasangan suami isteri yang berumur 25 sehingga 40 tahun dan berpendapatan tidak lebih daripada RM10,000 sebulan, untuk memiliki rumah pertama mereka.

- Pembiayaan adalah sehingga 100% bagi pembelian rumah pertama yang bernilai RM500,000 ke bawah.

c. Skim jaminan kemudahan kewangan yang disediakan oleh Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Bhd (SJKP) sejak 2008 yang mengeluarkan jaminan kepada golongan berpendapatan rendah dan tidak mempunyai penyata gaji supaya layak untuk mendapatkan kemudahan kewangan bagi pembelian rumah pertama dari institusi perbankan.

- SJKP menyediakan jaminan untuk pinjaman sehingga 100%

bagi pembelian rumah kos rendah dan sederhana rendah yang bernilai RM300,000 ke bawah.

d. Skim Pembayaran Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) yang dilancarkan pada 6 April 2016 bertujuan membantu golongan berpendapatan RM3,000 sehingga RM10,000 sebulan membiayai kos deposit rumah pertama mereka sebanyak 10% daripada harga jualan atau maksimum RM30,000, untuk pembelian rumah yang bernilai RM500,000 ke bawah.

iii. Agensi Kaunseling Kredit dan Pengurusan Hutang (AKPK) pula berperanan memperkenalkan pelbagai program pendidikan seperti Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER), Klinik Kewangan dan Taklimat Awam bagi memupuk tabiat dan disiplin kewangan yang berhemat.

iv. Selain itu, saluran-saluran seperti di bawah juga disediakan oleh industri perbankan dan juga BNM bagi memudahkan orang awam yang menghadapi masalah mendapatkan pinjaman menyalurkan aduan masing-masing:

a. **ABMConnect** di talian 1-300-88-9980;

b. **BNMLINK**, Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur; atau

c. **BNMTELELINK**

- Tel: 1-300-88-5465
- Fax: 03-2174 1515
- Email: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)
- SMS : 15888.